

**PM lancar Kempen Menjiwai 1Malaysia
Utusan Online
Ogos 20, 2011**

KUALA LUMPUR 19 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini melancarkan Kempen Menjiwai 1Malaysia yang dianjurkan oleh Pergerakan Puteri UMNO bertujuan menyemai kefahaman mengenai konsep gagasan 1Malaysia kepada seluruh rakyat Malaysia.

Pada majlis yang diadakan di ibu pejabat UMNO itu, Najib turut menyampaikan 10 komputer riba kepada 10 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di bawah parti komponen Barisan Nasional (BN) yang disumbangkan oleh Puteri UMNO sebagai menghargai sokongan mereka terhadap gagasan 1Malaysia.

Beliau sebelum itu menampal pelekat kenderaan Kempen Menjiwai 1Malaysia pada beberapa buah kenderaan termasuk teksi sebagai tanda bermulanya program tersebut.

Hadir sama pada majlis yang diadakan sejurus sebelum mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO berlangsung itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Ketua Pergerakan Puteri UMNO, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin dan Ahli MT yang lain.

Dalam pada itu, Rosnah berkata, kempen tersebut adalah pencetus kepada siri kempen seumpama itu yang akan diadakan selepas ini termasuk mengadakan seminar dan pertandingan menulis esei.

"Objektif kita dalam kempen ini adalah untuk menyemai kefahaman di kalangan masyarakat khususnya golongan muda tentang apa sebenarnya erti aspirasi atau gagasan 1Malaysia yang dilancarkan Perdana Menteri sebelum ini," katanya ketika ditemui pemberita selepas majlis itu.

Beliau berkata, usaha itu adalah satu cara bagi Puteri UMNO membantu kerajaan terutama pucuk pimpinan parti untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai matlamat gagasan 1Malaysia.

Katanya, usaha seterusnya yang akan dilaksanakan oleh Puteri UMNO melalui kempen itu termasuklah menyebarkan risalah tentang gagasan 1Malaysia kepada orang ramai.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0820&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_18.htm